

Isu roboh BB Plaza

'Tindakan tutup periuk nasi kami'

KUALA LUMPUR: "Sewaktu mula berniaga di Kompleks Pertama pada 1980, saya tidak pernah tahu kewujudan Plaza Bukit Bintang (BB). Sehingga saya dipindahkan pada tahun itu dan diberikan pinjaman RM20,000 oleh Uda (Holding Berhad) untuk memajukan perniagaan.

"Sudah 32 tahun perniagaan itu dijalankan dan kini saya sangat sedih selepas diarahkan mengosongkan ruang bangunan berikutan terpaksa memberi laluan kepada pembinaan Myrapid Transit (MRT).

"Sepanjang 32 tahun, hidup dan mati hanya di sini," kata pengusaha butik, Ismail Che Wok, 60, yang

membantah keras usaha merobohkan Plaza BB, sebuah bangunan milik Uda yang akan dijadikan laluan MRT sepanjang 51 kilometer dari Kajang ke Sungai Buloh.

Kerja pembinaan yang akan dibangunkan MRT Corporation pada tahun depan mengarahkan 167 usahawan kecil membabitkan 60 peratus peniaga Bumiputera untuk berpindah menyebabkan projek itu mendapat bantahan banyak pihak.

Semalam, 167 peniaga dan Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) hadir di hadapan bangunan Uda Mall, di Jalan Bukit Bintang, di sini membantah usaha

penjualan dan meroboh bangunan terbabit.

Menurut Ismail, sejak 32 tahun lalu, dia tidak pernah gagal membayar sewa bulanan di pasar raya itu dan sekiranya projek berkenaan bermula tahun depan, dia tidak tahu ke mana untuk berniaga.

"Saya bersusah payah memajukan perniagaan butik sejak 1980 dan perniagaan itu berkembang pesat serta dikunjungi ramai pelanggan. Kalau benar saya perlu berpindah, amat sukar untuk memajukan perniagaan itu," katanya yang pernah dinobatkan sebagai Peniaga Cemerlang di Plaza BB.

Peniaga kedai kamera, Yong Kah Chin, 75, yang

sudah 30 tahun berniaga, berkata projek pembinaan MRT membuatkan ramai peniaga bersedih dan mengharapkan ia dapat dihentikan.

"Kami tidak diajak berbincang mengenai projek itu oleh mana-mana pihak. Suara kami tidak didengari langsung biarpun sudah lama menyewa di bangunan ini," katanya.

Pengurus wang, Jahabar Sidik, 52 berkata tindakan mengarahkan semua peniaga berpindah menyebabkan 'periuk nasi' mereka terjejas.

"Di sini ada 167 peniaga dan ia membabitkan lebih 2,500 ahli keluarga yang perlu ditanggung. Sepatut-

nya pihak Uda menyedari masalah itu dan tampil bersemuka dengan peniaga untuk menjelaskan perkara terbabit," katanya yang berniaga sejak 32 tahun lalu.

Sementara itu, Presiden Ikhlas, Mohd Ridzuan Abdullah, berkata pihaknya menyedari keperitan ditanggung kesemua peniaga dan tampil menghantar memorandum kepada pegawai khas Perdana Menteri iaitu Datuk Ghazali Ibrahim bagi membincangkan masalah berkenaan, petang semalam.

"Kami menyokong usaha kerajaan dan mengharapkan Perdana Menteri tampil membantu semua peniaga," katanya.